



Jumlah tenaga kerja profesional kesihatan meningkat



SUASANA Dewan Persidangan sepanjang berlangsungnya Majlis Mesyuarat Negara. - Foto : Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid.

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, tenaga kerja profesional kesihatan adalah nadi penggerak kepada sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Berhubung dengan perkara ini, tambahnya, kita harus bersyukur dan berbangga yang mana statistik profesional kesihatan di Kementerian Kesihatan menunjukkan daripada kalangan anak-anak tempatan adalah meningkat daripada semasa ke

semasa misalannya; pada tahun 2007 kita mempunyai 181 doktor termasuk 24 pakar tempatan iaitu 35 peratus daripada jumlah keseluruhan doktor dan pakar di negara ini, manakala pada tahun 2011, jumlah ini telah meningkat kepada 43 peratus iaitu seramai 247 orang doktor termasuk 37 pakar.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata demikian dalam Mukadimah Awal Pembentangan Peruntukan Kewangan 2012 Bagi Kementerian Kesihatan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Menurutnya, dalam masa yang sama, kementerannya juga akan terus memberi perhatian yang serius dalam membangun kapasiti tenaga manusia dalam kalangan

anak-anak tempatan yang mengikuti kursus dalam pelbagai kemahiran dan kepakaran bukan sahaja dalam kalangan doktor-doktor malahan juga jururawat, farmasi, *allied health professional* dan profesion yang lain sama ada di dalam negeri atau di luar negeri bagi memenuhi keperluan masa kini dan akan datang.

"Adalah diharapkan dengan wujudnya Skim Perkhidmatan Kedokteran baru dan promosi kerjaya kesihatan seperti Karnival Kerjaya Kesihatan yang diadakan pada 7 Februari 2012 baru-baru ini akan dapat mendorong lebih ramai lagi anak-anak tempatan memilih profesion kesihatan sebagai kerjaya mereka," kata Yang Berhormat.

Sebagai inisiatif baru bagi mengatasi kekurangan dan memenuhi keperluan

tenaga profesional kesihatan di negara ini, terang Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan akan memulakan program Kursus Teknisyen Farmasi dengan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan yang mana pengambilan pertama akan dilaksanakan insya-Allah pada bulan Julai 2012.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif ini juga adalah merupakan salah satu lagi *milestone*, dalam usaha memperkukuhkan pembangunan tenaga kerja kesihatan bagi memenuhi kehendak semasa dan mendatang dan insya-Allah Kementerian Kesihatan akan terus menerokai potensi bagi mengadakan kursus-kursus profesional kesihatan yang diperlukan mengikut keutamaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Bru-HIMS rancak dilaksanakan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Mac. - Projek 'Brunei Darussalam Healthcare Information Management System' atau lebih dikenali Bru-HIMS sedang rancak dilaksanakan dan dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat-peringkat pada bulan Julai 2012 ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan demikian semasa menyampaikan Mukadimah Awal Pembentangan Peruntukan Kewangan 2012 Bagi Kementerian Kesihatan pada hari ke-13 Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Tambah Yang Berhormat Pehin, projek ini akan memperkenalkan Rekod Elektronik Pesakit dalam mengintegrasikan pengurusan maklumat pesakit di semua hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kerajaan supaya lebih efektif, efisien dan sistematik.

Kementerian Kesihatan, jelas Yang Berhormat Pehin, adalah juga komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sentiasa berusaha untuk mencapai piawaian perkhidmatan yang tinggi pada peringkat antarabangsa.

"Baru-baru ini alhamdulillah pencapaian pengiktirafan akreditasi antarabangsa ISO 15189-2007 bagi Perkhidmatan Makmal menandakan satu *milestone* yang mencerminkan tahap kecemerlangan yang turut menambah lagi keyakinan dan kepercayaan orang awam," ujarnya.

Yang Berhormat Pehin juga menjelaskan

mulai 1 Mac 2012, Lembaga Pelawat Hospital-Hospital diwujudkan semula dengan keahlian yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, perwakilan dari pihak swasta, pemimpin-pemimpin pada peringkat akar umbi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan orang-orang awam.

Ini, menurut Yang Berhormat Pehin, adalah cadangan yang ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dalam MMN pada tahun lepas yang mana Lembaga Pelawat Hospital-Hospital ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai kualiti perkhidmatan rawatan dan penjagaan pesakit (*patient care*) secara menyeluruh di semua hospital kerajaan bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan penjagaan kesihatan kepada orang ramai supaya lebih berkualiti dan efisien.

Saudara baru, masjid utama dan wang Baitulmal dibincang



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Laporan :
Siti Muslihat Haji Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pusat Da'wah Islamiah sependapat untuk tidak memisahkan saudara-saudara baru dengan ibu bapa serta keluarga mereka.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata mereka dibenarkan tinggal dengan ibu bapa dan keluarga mereka supaya mereka tidak merasa terpisah.

Menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai sebilangan saudara baru yang masih tinggal bersama ibu bapa mereka yang

belum beragama Islam, Yang Berhormat bagaimanapun menegaskan, jika perkara tersebut boleh mendatangkan mudarat kepada saudara-saudara baru tersebut memang ada usaha untuk memisahkan mereka di rumah yang dikhaskan.

Sementara itu, pada mengulas cadangan dan pertanyaan mengenai pengubahsuaian atau menaiki taraf Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Menteri Hal Ehwal Ugama berkata memang ada perancangan dan pengubahsuaian akan dilakukan.

"Sebagai masjid utama, masjid utama bukan saja Daerah Temburong, bahkan masjid utama di seluruh negara, di Daerah Tutong, Daerah Belait, akan kita usahakan pengubahsuaian supaya lebih terkini

dan lebih menarik dan memenuhi keperluan para jemaah masjid." Tambah Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai persoalan sama ada wang Baitulmal yang tersimpan dibuat pengauditan yang juga diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memperakui bahawa pengauditan terhadap wang tersebut memang dilakukan setiap tahun.

Kementerian Hal Ehwal Ugama Jelas Yang Berhormat akan terus berusaha ke arah memperkemas-kinkan lagi Baitulmal.

"Memang kitapun sebenarnya sangat-sangat kekurangan tenaga manusia yang mahir dalam hal-hal kewangan ini, Baitulmal ini memerlukan kepada hal kewangan dan juga orang berpengetahuan hal agama," tambah Yang Berhormat.

Imam, bilal berjawatan tetap setiap masjid akan diusahakan

Laporan : Norliah Md. Zain

Kekurangan imam, bilal dibahaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mac. - Masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam menghadapi masalah kekurangan imam dan bilal.

"Dalam perkara ini, khasnya bilal sangat berkekurangan di seluruh negara. Jumlah masjid di seluruh negara ialah 111 buah, 59 di Brunei dan Muara, 13 di Belait, 28 di Tutong dan 11 di Temburong. Jawatan bilal keseluruhan hanya 88 jawatan (59 telah diisi, 29 belum lagi diisi) tindakan mengisikan sedang dalam diproses," demikian pengakuan yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad pada Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan bagi Majlis Mesyuarat Negara.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman yang menyuarakan permasalahan kekurangan imam dan bilal di beberapa buah masjid di Daerah Temburong, Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengakui permasalahan tersebut memandangkan jawatan bilal cuma sebanyak tujuh jawatan berbanding bilangan masjid sebanyak 111 buah dan pada masa ini hanya menggunakan bilal pelapis.

"Jadi menjadi hasrat Jabatan Hal Ehwal Masjid supaya setiap masjid ada seorang bilal, insya-Allah pada masa hadapan. Keperluan adanya bilal ini ialah untuk melaungkan azan pada setiap waktu sembahyang, juga untuk mengawas kebersihan masjid, kerana dalam syarat perjawatannya juga tugas bilal itu ialah menjaga kebersihan masjid tetapi mungkin bilal-bilal tidak memahami perkara ini barang kali, jadi mereka membiarkan masjid ini kotor, jadi kita tidak mahu, biar bilal itu mengetahui merasakan tanggungjawabnya ialah untuk mengawas dalam dan luar masjid.

Dan juga bilal itu ialah tugasnya memeduli suka duka masyarakat sekeliling, seperti

Laporan :
Siti Muslihat Haji Salleh

bertahlil dan menyempurnakan jenazah dan sebagainya," jelas Yang Berhormat menggariskan tanggungjawab seorang bilal.

Dalam soal pemilihan bilal di masa hadapan, Yang Berhormat penuh berharap agar pemilihan tersebut sangat bertepatan dengan jawatan berkenaan iaitu mereka yang benar-benar pandai dalam hal ehwal keagamaan, baik suara dan bukan semata-mata sekadar untuk mengisi jawatan.

"Jadi kita mahukan bilal itu biar suaranya bagus, merdu, jadi dapat memenuhi peranan sebagai bilal kerana bilal ini juga merupakan satu tarikan kepada masjid," tambah Yang Berhormat.

Melihat akan keperluan imam dan bilal tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama berharap semua pihak yang berkenaan baik di dalam kementerian itu supaya dapat sama-sama menimbang keperluan berkenaan memandangkan masjid itu adalah rumah ibadah yang perlu disempurnakan, dilengkapi dan dihiaskan sebersih-bersihnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata usaha akan dibuat agar setiap masjid mempunyai imam dan bilal berjawatan tetap dan bukan pelapis.

Menteri Hal Ehwal Ugama berkata demikian semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang memasuki hari



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ke-13, hari ini.

Terdahulu Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkata Masjid di Mukim Labi dan di Mukim Liang tidak mencukupi kakitangannya hingga sekarang, contohnya Masjid Mukim Labi terdapat seorang pelapis bilal yang dibayar dengan elaun sahaja.

"Jika tidak ada pemohon yang berkecualan untuk mengisi jawatan kosong di masjid tersebut, kaola cadangkan supaya pekerja yang ada sekarang ini diambil dan dipertimbangkan untuk menjawat jawatan tersebut," ujar Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

"JIKA tidak ada pemohon yang berkecualan untuk mengisi jawatan kosong di masjid tersebut, kaola cadangkan supaya pekerja yang ada sekarang ini diambil dan dipertimbangkan untuk menjawat jawatan tersebut."

- Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad

Program Muslimah Masjid perlukan strategi, keupayaan



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. - Foto : Azmah haji Ahad.

Laporan :
Siti Muslihat Haji Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mac. - Program atau kegiatan Muslimah Masjid perlu disokong ke arah menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menegaskan kaum Muslimah perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan agama yang baik memandangkan merekalah yang sebenar-benarnya akan mendidik anak-anak menjadi manusia yang baik, di samping dapat mempengaruhi kaum bapa ataupun suami-suami supaya cenderung kepada keagamaan.

Setakat ini, jumlah 45 buah masjid telahpun membuka kelas bimbingan Muslimah di seluruh negara dengan keramaian Muslimah seramai 1,450 orang dan tenaga pembimbing 53 orang yang terdiri dari pegawai-pegawai agama, guru-guru aga-

ma terlatih yang masih lagi berkhidmat dan juga yang sudah bersara.

Menurut Yang Berhormat sambutan kaum Muslimah sangat menggalakkan dan antara faktor-faktor tersebut yang di luar daripada jangkaan ini ialah pertama, kurangnya ilmu pengetahuan dalam bidang agama kepada kaum muslimah; Kedua, semangat untuk membetulkan ilmu fardhu ain dan khususnya dalam perbuatan dan bacaan dalam sembahyang, di samping keghairahan kaum Muslimah dalam mempelajari dan menghalusi bacaan Al-Qur'an; Ketiga, timbulnya semangat untuk memperbaiki diri sendiri dalam amal ibadah yang sedia ada dan Keempat, bagi mengukuhkan hubungan silaturahmi di antara sesama kaum Muslimah.

Pada menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin berkaitan dengan terdapatnya masjid-masjid yang belum melaksanakan Program Muslimah Masjid, Menteri Hal Ehwal Ugama

menjelaskan untuk melancarkan program tersebut memerlukan strategi-strategi dan kemampuan serta keupayaan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menjelaskan Bahagian Hal Ehwal Muslimah telah diwujudkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Masjid pada 26 Disember 2007 yang diketuai oleh seorang Pegawai Ugama Kanan dan dibantu oleh dua orang Pegawai Ugama.

Penubuhan Bahagian berkenaan menurut Yang Berhormat ialah untuk membantu Pegawai Masjid dalam merancang dan menyusun program untuk muslimah, membantu Pegawai Masjid dalam mengendalikannya kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti takmir masjid bagi kaum muslimah; membantu Pegawai Masjid bagi meramaikan jemaah muslimah menghadiri takmir masjid, di samping membantu Pegawai Masjid untuk memantapkan ilmu keagamaan kepada kaum muslimah di masjid-masjid terutama dalam mendalami ilmu Fardhu Ain.

Pengusaha ternakan udang galah diseru bertahan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Md. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. – Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyeru pengusaha-pengusaha Projek Ternakan Udang Galah supaya bertahan dan lebih gigih serta lebih mengetahui tentang

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

bisnes yang diceburi melalui 3 'P' iaitu Pendidikan, Perekonomian dan Perpaduan.

Yang Berhormat menegaskan perkara tersebut ketika menjawab usul Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai kos operasi lebih tinggi daripada pendapatan dan pertimbangan yang boleh diambil oleh kementerian melalui Jabatan Perikanan bagi menangani masalah yang dihadapi koperasi berkenaan untuk meneruskan perusahaan yang sudah di buat.

Yang Berhormat menjelaskan, perusahaan udang galah di Temburong itu penting kerana ia merupakan satu-satunya (*the only*) koperasi yang berani mengusahakan ternakan udang galah yang hidup dalam dua alam iaitu (*salt water*), air masin dan air tawar.

"Waktu udang galah hidup di air tawar *brackish* itu, memang sensitif untuk dipelihara secara berkalam, itu pun perlu difahami oleh peladang-peladang dalam memelihara udang galah itu," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai bantuan yang diberikan oleh kementerian melalui Jabatan Perikanan pada bulan Januari 2011 yang

membekalkan 20 ribu ekor benih udang galah.

Menurut Yang Berhormat, pendidikan dalam bisnes menghidupkan udang galah itu perlu difahami, seperti mendapatkan benih, menghidupkannya dan mendapatkan bahan-bahan mentah iaitu bahan-bahan makanannya kerana bahan makanan merupakan 60 peratus daripada kos operasi yang perlu ditangani dan difahami untuk mengurangkan kos.



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

"PERUSAHAAN udang galah di Temburong itu penting kerana ia merupakan satu-satunya (*the only*) koperasi yang berani mengusahakan ternakan udang galah yang hidup dalam dua alam iaitu (*salt water*), air masin dan air tawar. Waktu udang galah hidup di air tawar '*brackish*' itu, memang sensitif untuk dipelihara secara berkalam, itu pun perlu difahami oleh peladang-peladang dalam memelihara udang galah itu."
- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Ikan di pasar sentiasa dipantau

Laporan : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. – Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Perikanan telah mengadakan pemantauan tentang ikan-ikan yang dijual di pasar-pasar yang dikenal pasti dengan mengadakan pemantauan secara berkala, secara mengejut dan sebagainya.

Untuk memastikan tidak ada bahan-bahan pengawet dan juga bahan kimia yang merosakkan kehidupan dan berikutan dengan titah itu, pemantauan itu diadakan secara lebih rapat dan lebih meluas lagi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai tindakan yang diambil dalam menangani masalah tersebut bagi memastikan ikan-ikan yang diimport itu benar-benar selamat dimakan.

Yang Berhormat menambah memang ada pemantauan tentang penggunaan bahan-bahan pengawet di pasar-pasar yang dikenal pasti.

Tetapi kata Yang Berhormat, ada beberapa penjual-penjual ini bukan menggunakan pasar ataupun pondok-pondok yang disahkan.

Yang Berhormat menambah, kadangkala mereka menggunakan pondok-pondok di tepi jalan ataupun pondok-pondok di rumah dan sebagainya itu



YANG Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Dulamin. - Foto : Azmah Haji Ahad.

menyukarkan kementerian untuk mengawal.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan lagi, terutamanya masa waktu penyakit sindrom *white virus* yang menjangkiti udang.

Udang-udang yang dijual di pasar, jelas Yang Berhormat, memang dapat dikawal tetapi ada penjualan udang-udang itu di luar daripada kawasan-kawasan yang dibenarkan seperti menjual di rumah ataupun menjual di pondok-pondok di tepi jalan dan kalau sekiranya ada, akan dilaratkan jika ada peruntukan atau kakitangan melakukannya.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan pada peringkat ini memang dilakukan pada tempat-tempat yang digunakan untuk menjual.

Plan Induk Projek Pembangunan Semula Kuala Balai siap dibuat

Laporan : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. – Satu Pelan Induk Pelancongan (Master Plan Tourism) yang dikawal oleh Jabatan Perkembangan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), salah satu daripadanya projek yang dikenal pasti itu ialah Pembangunan Kuala Balai untuk menarik pelancong ke kawasan-kawasan di sana.

lanya telah pun diselaraskan yang sebenarnya ada satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan yang dipanggil Jawatankuasa Pembangunan Semula Kuala Balai yang dipengerusikan sendiri oleh Pegawai Daerah Belait dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan dan juga lain-lain jabatan di kerajaan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan mengenai rancangan Pelan Induk KPSSU dalam meningkatkan sektor pelancongan di negara ini seperti Pembangunan Semula Kuala Balai yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat menambah, jawatankuasa tersebut telah pun menyiapkan satu Plan Induk Projek Pembangunan Semula Kuala Balai yang telah di buat dan telah pun siap oleh

konsultan yang digelar 'Gemilang Multi Associate'.

Yang Berhormat Menteri menjelaskan, mereka telah pun mengadakan Pelan Induk itu dan dalam pelan induk tersebut memang ada cadangan untuk membangun Kuala Balai ini sebagai Taman Eco-Pelancongan yang akan mempunyai beberapa jenis taman dan lain-lain kemudahan seperti taman haiwan, taman buah-buahan, taman rama-rama, taman herbal dan tumbuhan pucuk dan taman permainan kanak-kanak dan sebagainya.

Pada masa ini kata Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pada peringkat kementerian, Jabatan Daerah jadi memang KPSSU akan membantu seboleh-bolehnya untuk memudahkan supaya pelan tersebut terlaksana, salah satu caranya ialah dengan melalui 3P 'Public, Private, Partnership'.

Yang Berhormat seterusnya menambah kalau sekiranya ada sektor swasta yang berminat untuk mengembangkan dan itu adalah salah satu cara untuk memajukan Kuala Balai ini.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, kementerian juga berusaha untuk mendapatkan peruntukkan tertentu untuk memastikan pelan induk ini terlaksana sebab ini termasuk dalam Pelan Induk untuk pembangunan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan mengenai cadangan pembinaan sekolah dalam kawasan perumahan itu, ianya akan dapat dilaksanakan dengan kerjasama semua agensi yang berkenaan.

"Haruslah difahamkan bahawa masalah yang kita hadapi di Kuala Belait ialah mencari tapak tanah. Oleh kerana kedudukan tanah di Kuala Belait ini *peatsoil*, jadi perbelanjaan untuk membina sekolah ini lebih besar kerana kita terpaksa mengeluarkan *peatsoil* itu dengan mengganti dengan tanah pasir atau biasa dan ini saja memakan kos yang tinggi," ujar Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof

Pembinaan sekolah kawasan perumahan perlu kerjasama

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

bin Dulamin mengenai pembinaan sekolah rendah dalam kawasan perumahan Kampung Mumong Daerah Belait, kekurangan tenaga pengajar dan Projek BISAI pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, Kementerian dalam hubungan ini dulu pernah berusaha untuk mencari di mana ada tapak-tapak tanah yang kerja-kerja tanah ini dapat dikurangkan untuk dapat menjimatkan kos. Walau bagaimanapun, oleh kerana tidak ada lagi tanah yang sesuai, maka projek itu tergendala sedikit, tapi kita telah menetapkan tidak ada lagi alternatif lain melainkan untuk membina pada tapak yang telah diberikan.

Mengenai dengan tenaga pengajar, kata Yang Berhormat Pehin, akan diambil maklum, masalahnya mengapa kitani menggunakan guru sandaran itu sebagaimana yang diterangkan dalam penjelasan saya kelmarin ialah terdapatnya guru-guru yang bercuti di Kementerian Pendidikan ini di sekolah rendah 75 peratus guru-guru adalah kaum wanita. Manakala pada sekolah menengah 70 peratus juga kaum wanita. Walau bagaimanapun, pada tahun ini lebih 170 orang graduates yang diikat menjadi pendidik akan balik ke tanah air untuk bertugas.

"Kita berharap mungkin 179 sebenarnya mereka ini terpaksa lagi mengikuti siji

perguruan sebelum dapat mengajar. Di harap dengan tambahan pelajar-pelajar kita yang mengikuti pengajian di luar negeri diikat jadi pendidik akan dapat menampung kekurangan-kekurangan guru," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin berkata, Kementerian Pendidikan menganugerahkan biasiswa kepada pelajar-pelajar untuk diikat menjadi pendidik tetapi akhirnya meminta dilepaskan daripada menjadi pendidik selepas balik ke Negara Brunei Darussalam dengan alasan tidak dibenarkan oleh bapanya.



YANG Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Dulamin. - Foto : Azmah Haji Ahad.

"Jadi pada saya macam *stepping stone* saja (batu loncatan) untuk dapat biasiswa keluar negeri saja dan kerana itu kita akan mengetatkan lagi prosedur-prosedur untuk pelajar-pelajar memohon untuk mengambil *scholarship* menjadi guru, balik tidak mahu menjadi guru ini masalah kitani bersama biskita menyuarakan masalah kekurangan guru di sini. Ibu bapa mendorong anaknya tidak menjadi guru setelah diikat menjadi guru," ujar Yang Berhormat Pehin.

Masalah mengenai cuti, jelas Yang Berhormat, sebenarnya kalau pegawai pelajaran sebagaimana juga pegawai-pegawai Divisyen II dalam Perkhidmatan Awam, mereka ini mempunyai hak cuti yang tertentu dalam setahun.

Walaupun bagaimanapun, tambah Yang Berhormat Pehin, mereka itu jika bertugas digalakkan untuk mengambil cuti itu semasa cuti sekolah. Dan kalau guru-guru biasa mereka itu mempunyai masa bercuti sewaktu cuti sekolah dan kalau dikira cuti sekolah dengan pegawai dalam Bahagian III, cuti mereka adalah lebih panjang daripada cuti biasa. Walau bagaimanapun, kalau ada masalah-masalah yang dikehendaki tadi oleh Yang Berhormat tadi misalnya untuk menemani pesakit keluar negeri cuti masa sekolah, perkara itu boleh dihadapakan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa mengikut peraturan biasa iaitu kalau tidak ada baki cuti dalam Perkhidmatan Awam pun kalau habis sudah cuti terpaksa mengambil cuti tidak bergaji. Perkara ini dapat dirunding secara dibincangkan di pejabat.

Dua buah sekolah dijadikan 'cluster of school'

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, mengenai dengan anak-anak istimewa, pada masa ini kita sudah ada dua buah sekolah selain daripada Sekolah Rimba II, tertakluk kepada bilangan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah istimewa ini, untuk mewujudkan *cluster of school* ertinya tidak semestinya setiap sekolah akan mempunyai bangunan kelas istimewa ini.

Ia, tambah Yang Berhormat Pehin, tertakluk kepada tadahan-tadahan ataupun bilangan pelajar-pelajar dalam satu kawasan-kawasan tertentu itu. Dan bagi mereka yang sudah dapat diserapkan masuk bersama dengan kanak-kanak biasa (*normal student*), mereka akan dapat memasuki pengajian pada peringkat menengah itu di *normal school*, cuma masalah ialah yang the degree of severity, kalau keseriusan masalahnya itu barangkali menjadi perkara yang diberi perhatian pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan capacity building, penambahan anggaran

dalam bidang tenaga manusia pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Mengenai dengan peluang mereka untuk mengikuti teknikal, vokasional jelas Yang Berhormat Pehin, perkara ini sedang diteliti, dulu ada peluang itu diberikan kepada mereka ini. Lagi sekali pemberian kemudahan-kemudahan pendidikan kepada mereka yang berlainan daripada pelajar biasa. Jadi terima kasih atas cadangan supaya peluang-peluang diberikan kepada kanak-kanak istimewa ini pada peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, "mengenai dengan kemudahan sekolah, mungkin sekolah-sekolah bangunan lama tidak ada kemudahan untuk kanak-kanak istimewa tapi bangunan-bangunan baru, khasnya sekolah-sekolah menengah kalau kitani lihat yang telah dibina, hatta sekolah Pusat Tingkatan Enam Meragang misalnya, mempunyai kemudahan lif pada masa ini. Lif itu bukan untuk cikgu-cikgu bukan untuk apa, ialah untuk pelajar-pelajar istimewa, sebenarnya."

Mengenai dengan kapasiti bagi kawasan Daerah Temburong, Yang Berhormat Pehin menjelaskan, memang perkara ini sedang diambil perhatian di dalam cadangan pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar,

Temburong dan pembinaan Sekolah Mengengah Baru Rataie. Bagaimana kitani dapat mengoptimalkan bangunan itu bagi tujuan masa akan datang dan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat, satu *option* yang boleh dipertimbangkan ialah sekolah teknikal.

"Izinkan saya untuk bercakap mengenai dengan 'O'level ini, satu pendekatan baru kita pada masa ini kepada penuntut-penuntut yang tidak mencapai 'O'level yang memadai untuk meneruskan pengajian ke tingkatan enam ataupun ke institusi-institusi lain dan ini perlu mendapat kefahaman daripada ibu bapa ialah kita sedang meneliti sama ada pelajar-pelajar ini perlu mengulang lagi 'O' levelnya kerana kalau ia mengulang 'O'levelnya dan hanya mendapat 'O'level dalam Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, mata pelajaran-pelajaran yang tidak dapat menjamin mereka untuk dapat meneruskan ke Pusat Tingkatan Enam ataupun untuk mencari pekerjaan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Pehin, kita sedang menimbangkan kemungkinan pelajar-pelajar ini akan kita salurkan untuk mengambil mata pelajaran lain di bawah Examination Syndicate Edexcel kerana kitani belum lagi melaksanakan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) ini sepenuhnya, jadi akan terdapat pelajar-pelajar yang pada masa dua tahun ini mempunyai subjek-subjek yang 'O'level saja. Manakala peperiksaan Edexcel akan me-

nawarkan mata-mata pelajaran seperti Hospitality, Art and Design, yang lebih berguna untuk mereka ini apabila mereka ini akan melamar kerja nanti selepas menamatkan pengajian ataupun memasuki institusi teknikal kitani.

Jadi apabila perkara itu sudah payu nanti, Yang Berhormat mengharapkan semua kitani memberi kefahaman kepada ibu bapa supaya jangan sekali ibu bapa semua menaruh harapan untuk duduk 'O' level saja bagi tujuan mencapai pengajian tinggi kerana saluran-saluran lain juga boleh membawa pelajar-pelajar itu mencapai ke pengajian tinggi ertinya teknikal dan vokasional pun akan memberi laluan untuk mereka itu mencapai kelulusan Higher National Diploma dan juga ijazah.

Yang Berhormat menjelaskan, bahawa aktiviti bulan Ramadan ini barangkali kitani sudah pernah dulu bulan Ramadan ini cuti bagi semua sekali sekolah, cuma masalahnya Ramadan ini bersasar tidak mengikut kalendar biasa jadi untuk mengaturkan cuti penggal akan menyulitkan kitani yang mana dua tahun yang lepas ia bertembung dengan cuti penggal, jadi cuti penggal persekolahan sebahagiannya dalam masa bulan Ramadan, tetapi apabila Ramadan nanti bersasar awal, kerana bulan Islam sepuluh hari lebih awal daripada bulan biasa, maka mungkin menimbulkan masalah. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh menjadi satu pemikiran.

BND4 juta untuk promosi dan pemasaran

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac.. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pembangunan Pelancongan dalam Rancangan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10, diberikan peruntukan BND4 juta untuk promosi dan pemasaran bagi tahun ini.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan perkara itu semasa menjawab cadangan Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Azmah Haji Ahad.

King Chin mengenai menarik pelancong ke negara ini dengan memfokuskan negara Asia, Jepun, Hong Kong, China, Taiwan, Korea dan Timur Tengah.

Ini kata Yang Berhormat kerana kita mempunyai direct flight dari Shanghai ke Brunei begitu juga Hong Kong dan Dubai, di samping pihak kementerian juga sudah melantik wakil pemasaran di China dan Australia.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga mengambil maklum mengenai cadangan supaya mengadakan dokumentari bertarap antarabangsa untuk mempromosi kebudayaan dan keunikan negara ini seperti yang dilakukan di negara lain, untuk disiarkan di televisyen luar negeri yang disasarkan, di samping melantik seorang promoter.



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Lesen menangkap ikan digunakan orang asing

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menje-

NELAYAN-NELAYAN laut yang ada pada masa ini bukan orang Brunei tetapi orang asing yang menggunakan lesen orang Brunei. Perkara ini perlu dipantau pihak kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan memberi bantuan peruntukan perbelanjaan perbekalan kepada nelayan-nelayan sepenuh masa yang kurang mampu di negara ini ke arah memajukan bidang ini sekali gus mendatangkan sumber pendapatan kepada mereka.

laskan, nelayan-nelayan laut yang ada pada masa ini bukan orang Brunei tetapi orang asing yang menggunakan lesen orang Brunei.

Jadi kata Yang Berhormat, perkara ini perlu dipantau pihak kementeriannya dan memberi bantuan peruntukan perbelanjaan perbekalan kepada nelayan-nelayan sepenuh masa yang kurang mampu di negara ini ke arah memajukan bidang ini sekali gus mendatangkan sumber pendapatan kepada mereka.

Yang Berhormat menambah, jika pihak kementeriannya melalui Jabatan Perikanan akan memberi bantuan, sama ada ia diberikan kepada mereka yang benar-benar berusaha ataupun digunakannya sebagai *tuan nelayan*.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan perkara itu semasa menjawab cadangan-cadangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai bantuan subsidi pembelian peralatan nelayan termasuk atendan perahu, menubuhkan Bank Pinjaman Nelayan, dan membantu menubuhkan Persatuan Nelayan di kampung-kampung.

Yang Berhormat juga mencadangkan jarak zon-zon penangkapan ikan di luar pantai supaya dikaji semula, membanyakkan takat-takat tiruan serta membantu menubuhkan perusahaan ternakan perikanan, menyediakan kepakaran, pementauan nasihat dan menyediakan kolam ternakan.

KPSSU berusaha tubuhkan 'marketing agency'

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang berusaha untuk menubuhkan *marketing agency* untuk menilai keperluan bukan saja beras tapi juga buah-buahan tempatan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan demikian semasa menjawab usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pusat pemasaran buah-buahan tempatan.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. - Foto : Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat juga menyatakan, pengusaha siko yang semakin berkurangan dan terjejas pada masa ini adalah disebabkan oleh pengambilan tanah TOL yang menyebabkan mereka tidak mempunyai kebenaran.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, untuk memberi kelonggaran kepada pengusaha itu mereka digalakkan supaya berjumpa dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk bertanam siko dengan kedudukan secara teratur.

Menyentuh usaha-usaha untuk mengeluarkan padi bagi sara diri negara seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar pula, Yang Berhormat menjelaskan, antara langkah yang dibuat adalah dari segi menyediakan infrastruktur yang boleh menampung keperluan negara, dari segi *capacity building* termasuk Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pegawai-pegawainya dan juga petani-petani dengan mengenalkan 'Farmers Field School' atau Sekolah Ladang Padi bagi peladang-peladang itu untuk menjalani kursus pendek tentang penanaman padi dan sebagainya.

Selain itu jelas Yang Berhormat, ialah mengenalkan *variety* padi yang boleh memberi penghasilan yang tinggi dan boleh bertahan daripada serangan-serangan musuh dan penyakit dan sebagainya serta mengenalkan teknologi-teknologi baru, canggih dan moden sama ada dalam penyediaan ladang, dalam ladang itu sendiri ataupun selepas dituai, di samping penyediaan ladang menggunakan teknologi-teknologi yang kurang menggunakan tenaga manusia selain cara-cara penanaman.

Tingkat perubahan prosedur percepat pelaksanaan Projek BISAI

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan mengenai Projek BISAI pula, Yang Berhormat mengakui bahawa pelaksanaannya terdapat juga kelambatan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin mengenai Projek BISAI pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN di sini.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, mulai tahun ini kita akan meningkatkan perubahan prosedur-prosedur ini mencari cara-cara yang boleh mempercepatkan lagi pelaksanaan Projek BISAI ini dan untuk tujuan ini kita akan mencari beberapa cara mengenai pembaikan-pembaikan kecil akan dapat dilaksanakan dengan segera.

Pembaikan besar, jelas Yang Berhormat Pehin, mungkin akan memerlukan proses-proses tender biasa.



YANG Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Dulamin. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna

IRK diselaraskan di sekolah-sekolah

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang berusaha untuk menyelaraskan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (IRK) yang ditawarkan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Pengajian Islam telah pun dan sedang menyelaraskan mata pelajaran tersebut supaya tidak ada duplikasi dari segi kandungan mata pelajaran yang dipelajari di sekolah agama di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Pendidikan.

Ketika menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai

dengan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam yang ditawarkan pada sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan di perbahasan hari ke-12 Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Perkara itu, jelas Menteri Pendidikan perlu untuk direview daripada semasa ke semasa kerana barangkali kalau ada pertindihan ataupun duplikasi, mungkin pelajar-pelajar pun merasa kurang berminat.

“Jadi, ada penumpuan-penumpuan atau fokus-fokus tertentu di dalam kurikulum dan dalam sukatan pelajaran yang sedang diteliti oleh Kementerian Pendidikan bersama dengan Jabatan Pengajian Islam,” ujar Yang Berhormat.

Dari segi tenaga pengajar, semua tenaga pengajar yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam, baik di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan termasuk sekolah swasta akan diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memulakan mata pelajaran itu di sekolah-sekolah termasuk ke sekolah swasta.

Kemajuan pelancongan diperuntukkan BND4.9 juta

Laporan :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan, di samping peruntukkan tahunan, Pembangunan Promosi Sektor Pelancongan pada tahun ini juga diperuntukkan BND4.9 juta.

“Ertinya tambahan daripada BND1.3 juta itu bagi RKN10, disiapkan BND12 juta, BND12.97 juta, tapi tahun 2012 ini ada disiapkan BND4.9 juta,” jelasnya.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab usul Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai sektor pelancongan yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara seperti hutan dan alam sekitar semula jadi yang menjadi salah satu kekayaan negara yang boleh dijadikan tarikan kepada pelancong.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menambah, di dalamnya termasuk penyediaan peningkatan infrastruktur kemudahan pelancongan, *research and development* dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat, jika sekiranya projek-projek itu sesuai dimajukan ia akan dipertimbangkan oleh jabatan untuk memasukkan dalam projek itu.

Perkasakan cara pengajaran



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Laporan :
Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan mengenai dengan *model school* atau sekolah contoh berkaitan dengan autonomi. Dalam konteks kita di negara ini apa yang kita maksudkan dengan autonomi itu ialah autonomi kepada pengetua sekolah di dalam bidang kurikulum pengajaran. Maknanya tidak semestinya ia akan mengikut apa yang *diprescribe* atau ditetapkan, tetapi ia boleh bersikap

inovatif dan kreatif untuk memperkasakan cara-cara pengajaran di sekolah.

Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai *model school* atau sekolah contoh yang berkaitan dengan autonomi dan pengambilan tenaga pengajar pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Dari segi pengambilan tenaga pengajar, kata Yang Berhormat, kitani belum sampai kepada had itu, demikian juga dari segi kewangan, tetapi akan diberikan sebagaimana pada masa ini tiap-tiap sekolah akan diberikan peruntukan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah. Dalam bidang itu, kita akan melihat macam mana cara autonomi yang akan diberikan dalam kuasa berbelanja kepada sekolah tersebut.

Yang Berhormat menjelaskan, memanglah modality yang ada di negara-negara lain seperti di United Kingdom ataupun di United Syarikat. Mereka mempunyai beberapa model sekolah contoh ini, ada yang kalau di United Kingdom digelar *private sector* sebagai taraf akademi dan ada lagi taraf akademi ini adalah sekolah-sekolah yang diberikannya khusus kepada *private sector* untuk melaksanakannya, sekolah kepunyaan kerajaan, tetapi dijalankan oleh *private sector*. Kitani belum sampai ke sana, kitani akan berusaha untuk melihat sekolah di dalam tanggungjawab Kementerian Pendidikan dulu, tetapi memberikan kelonggaran-kelonggaran supaya beberapa perkara itu dapat dilaksanakan oleh pengetua itu atau guru besar itu tanpa ia perlu merujuk kepada pihak atasan. Jadi *within* dalam bidang kuasa yang telah ditetapkan kepadanya kita akan melihat perkembangannya.

Menaik taraf institut pendidikan jadi 'graduate school'

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan mengenai dengan maktab perguruan, pada masa ini memang benar, selepas Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah dijadikan sebagai *graduate school* ia telah mengambil pelajar-pelajar yang lulus dengan ijazah pertama untuk mengambil *Masters of Teaching and Teach*.

“Ini adalah berasaskan kepada kepercayaan kita bahawa kita memerlukan kualiti guru kerana kalau kitani mengikut perkembangan pendidikan, satu laporan yang banyak dirujuk oleh negara-negara ialah Mc. Kenzy report. Mc. Kenzy adalah penasihat pendidikan kepada Perdana Menteri Tony Blair dulu yang menekankan kepada pendidikan, *education*, dan Mc. Kenzy telah pun membuat penelitian secara global di mana ia melihat kemajuan pendidikan di Finland, di Korea, di Singapura dan banyak lagi negara maju yang mana mereka ini memberi penekanan kepada kualiti guru.”

Kerana itulah, jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengorak langkah untuk menaik taraf institut pendidikan itu menjadi *graduate school*, yang mana kitani nanti akan mempunyai guru-guru yang akan keluar

mengajar itu mempunyai M. Teach (Master of Teaching),” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai maktab perguruan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Dalam masa peralihan ini, kata Yang Berhormat, sejajar dengan itu, kita tidak menafikan bahawa *graduate-graduate* yang mempunyai kelulusan ijazah pertama masih boleh mengikuti apa yang digelar sebagai *post graduate diploma* atau *post graduate Certificate of Education*. Dan mengenai dengan program-program yang berkaitan dengan sijil dan diploma ini, institut pendidikan juga akan mengendalikan setelah bermuzakarah dengan Kementerian Pendidikan dari keperluan-keperluan khusus seperti sijil dalam kaunseling, sijil dalam pendidikan awal kanak-kanak atau *early child hood* dan sebagainya.

Perkara-perkara ini tambah Yang Berhormat masih akan dapat dilaksanakan oleh institut pendidikan itu. Kaola tidak ada bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat mengenai dengan kepentingan guru ini dalam pembentukan model insan bukan saja mengajar, tetapi juga mendidik kanak-kanak berkenaan.

Mengenai dengan beberapa program yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah, jelas Yang Berhormat, sebe-



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

narnya program-program tersebut adalah untuk memperkasakan guru-guru itu di dalam beberapa bidang-bidang yang diperlukan.

“Saya ingin menerangkan lebih lanjut perkara ini, apabila kita memulakan SLP bukan Skim Latihan Pekerja, tetapi School Leadership Program. Dua tahun yang lepas, kita telah melatih semua pengetua-pengetua guru besar dengan kepimpinan sekolah dan bukan guru besar atau pengetua sahaja yang hadir, kita memastikan pengetua mesti disertai dengan

dua orang lagi penolongnya sama ada penolong guru besar, penolong pengetua dan seorang guru kanannya atau guru biasa untuk menghadiri, jadi ada tiga orang bagi tiap sekolah yang hadir dan kita tidak saja melaksanakan program ini kepada sekolah kerajaan, tetapi juga sekolah bukan kerajaan sekolah swasta dan alhamdulillah semua pengetua guru besar telah pun berlatih,” jelas Yang Berhormat Pehin.

Melalui program ini kata Yang Berhormat, mereka mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah masing-masing dan mencari apakah projek yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan atau dalam bahasa yang selalu digunakan transformasi membuat transformasi di sekolah masing-masing dan kebanyakan hampir 75 peratus atau ¾ daripada pengetua-pengetua itu memilih program *literacy numeracy*. Iaitu meningkatkan tahap *numeracy literacy* pelajar-pelajar di sekolah, itu adalah satu program.

“Jadi program-program begini dilihat tidak akan membebaskan guru-guru tapi kalau mereka dapat melihat program-program yang berjalan itu sebagai satu, nya orang putih *big picture* gambaran yang besar daripada usaha untuk membuat usaha ke arah peningkatan kualiti pendidikan. Jadi inilah perkara yang selalu kita cuba fahamkan kepada guru-guru kerana apabila ia melihat program itu secara entitinya sendiri secara satu-satu ialah melihat bebanan tetapi apabila ia melihat sebagai satu kesatuan mereka akan melihatnya sebagai salah satu usaha dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan,” tegas Yang Berhormat.

Penebangan pokok-pokok hutan tidak digalakkan

Laporan :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Peluang-peluang untuk membuka kilang-kilang *plywood* ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Perhutanan, tidak menggalakkan penebangan pokok-pokok hutan terutamanya yang *primary forest* terutamanya dalam kawasan-kawasan yang sensitif.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan mengenai perancangan Jabatan Perhutanan pada masa hadapan untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha yang berpengalaman untuk membuka kilang membuat produk *plywood* di sepanjang Jalan Sungai Liang dan Labi kawasan tersebut yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menambah, di samping itu Jabatan Perhutanan menggalakkan pulang, kalau sekiranya ada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk memaksimakan sisa-sisa kayu.

Yang Berhormat Menteri menjelaskan ertinya yang telah dibuang dijadikan seperti *finger joint* atau pun joint yang berbentuk jari tetapi menggunakan bahan-bahan sisa daripada kayu dan dijadikan sama ada digam ataupun dirapatkan menjadi satu kayu, jadi untuk memaksimumkan bahan-bahan hutan.

Mengenai *plywood* pula Yang Berhormat Pehin, ada satu syarikat sudah pada masa ini, tetapi syarikat itu seperti Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee pun, soalan ini lebih kepada supaya proses itu jangan dihantar kayu-kayu di kilang itu, dibukanya kayu itu dan terus dihantarnya kepada negara pengimport, tidak memproses di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, barang kali tidaklah begitu menguntungkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee supaya proses membuka kayu itu dan menggamkannya menjadi *plywood* diadakan di sini.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Yang Berhormat Pehin menambah kalau sekiranya mencukupi kayu yang ada pada masa ini, mungkin akan ditimbang supaya proses kayu pada masa ini, yang membuka kayu itu dan terus menghantar kayu itu tanpa memproses di Brunei, kurang menguntungkan daripada kalau mengadakan ia sebagai *plywood*.

Tetapi kata Yang Berhormat lagi, dalam keadaan perhutanan kita pada masa ini akan dihadkan dan juga jenis kayu yang pada masa ini, kementerian menimbang untuk mengembang majukan yang

berbentuk kaedah penanaman.

Yang Berhormat Pehin menegaskan kita tidak lagi mahu menebangkan kayu-kayu yang tumbuh secara semula jadi atau secara alami yang mengambil masa dalam 60 ke 70 tahun untuk ditumbuhkan dan terus dipotong dalam sehari dua sudah dikorbankan.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan kementerian pada masa ini, mengusahakan untuk membuka ladang-ladang yang berbentuk penanaman yang mana pokok-pokok itu akan ditanam dalam masa kurang daripada 60 tahun, mungkin dalam 15 ke 20 tahun dan pokok-pokok itu akan dituai sebagai bahan untuk menjadikan ia perabot.

Usaha Jabatan Perhutanan kata Yang Berhormat untuk menjadikan ladang-ladang kayu, ladang-ladang perhutanan akan diberhentikan, mungkin akan dinilai balik tentang pembukaan ladang-ladang yang ada pada masa ini supaya ladang-ladang yang tumbuh secara alami itu tidak dibenarkan untuk dikacau dan kita akan memastikan penuaian hutan-hutan dalam bentuk penanaman.

Pada masa ini, jelas Yang Berhormat lagi, kawasan itu telah dikenal pasti di antara kawasan Sungai Kuala Belait dan Sungai Tutong yang kementerian gelarkan zon inter-riverine yang telah pun dikenal pasti untuk dijakikannya *plantation forest*.

Yang Berhormat menambah usaha pada masa ini akan diteruskan untuk menanam pokok-pokok di kawasan sebagai hutan yang berbentuk kaedah penanaman bukan lagi bentuk *primary forest*.

Jelas Yang Berhormat lagi sekiranya ada minat untuk memajukan hasil daripada hutan *plantation* itu, memang digalakkan oleh kementerian.

Pengurusan perhutanan mapan ditangani bersama

Laporan :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dengan China dalam pengurusan hutan yang mapan, memang kementerian telah pun mengadakan satu penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan kedua negara berkenaan mengenai dengan perhutanan.

Usaha-usaha yang masa ini dilakukan seperti bertukar-tukaran maklumat tentang pengurusan hutan di China dan di negara ini, terutamanya tentang hutan-hutan yang Kaedah Penanaman (*Plantation Style*) hutan-hutan yang ditanam secara penanaman



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

dan juga pengawasan di Negara China, pengawasan pencegahan pembalakan (anti-logging) yang adalah kuat.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan mengenai MoU antara Negara Brunei Darussalam dengan dan Republik Rakyat China yang telah mengadakan mesyuarat dua hala berhubung kait dengan kerjasama perhutanan dan tindakan susulan MoU tersebut oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan polis-polis hutan itu di beri senjata untuk mengawal, jadi memang pengawalan di China tentang hutan ini memang tinggi dan kementerian usahakan untuk mempelajari daripada China.

Pada masa ini, kata Yang Berhormat, MoU yang baru ditandatangani tahun lepas dan berikutan dengan itu Kementerian Perhutanan Negeri China datang ke negara ini dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun menyatakan tentang beberapa hasrat untuk menguatkan lagi kerjasama antara China dengan Negara Brunei Darussalam tentang pengurusan hutan yang mapan tersebut.

Yang Berhormat menambah usaha-usaha tersebut memang dialu-alukan walaupun jenis hutan adalah berlainan tetapi pengurusanannya memang satu pengurusan yang sama saja.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, kalau sekiranya ada spesies-spesies yang dapat hidup di China yang berbentuk penanaman, kalau sekiranya sesuai untuk digunakan tanpa spesies asli (*indigenous species*) adalah boleh dipertimbangkan dan juga belajar dari mereka tentang pengurusan hutan mapan.

Belum ada perancangan khusus agropelancongan

Laporan :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menjelaskan, kementeriannya belum mempunyai sebarang perancangan khusus mengenai agro-pelancongan.

Yang Berhormat menyatakan perkata itu ketika menjawab usul Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang mencadangkan supaya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dapat mengwujudkan agro-pelancongan di Daerah Temburong.

Walau bagaimanapun, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menambah, cadangan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman itu adalah baik.

Menurut Yang Berhormat, sebelum tergesa-gesa untuk mengadakan pelancongan secara besar-besaran, pelancongan agro tersebut perlu diambil kira supaya ia jangan menjejaskan nama ataupun imej Daerah Temburong sebagai permata hijau (*green jewel*) negara ini.

Jikalau sekiranya pun diadakan jelas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, agropelancongan akan dipantau supaya jangan menjejaskan atau mencemarkan alam dan akan menjejaskan nama daerah berkenaan.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, Daerah Temburong adalah satu kawasan yang perlu dipelihara dan perlu dijaga dengan lestari.

Cadangan Yang Berhormat Awang

Haji Sulaiman kata Yang Berhormat, mungkin pada kawasan-kawasan yang ada pada masa ini boleh ditingkatkan untuk dijadikan kawasan-kawasan agropelancongan.

Tetapi agropelancongan kata Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah berdasarkan kepada pelancongan yang bukan menggunakan kimia, mungkin menggunakan organik dan sebagainya.

Sebab kawasan itu jelas Yang Berhormat, sensitif dan kitani tidak mahu kumbahan-kumbahan air daripada pertanian itu akan mengacau kawasan-kawasan di Sungai Temburong.

Yang Berhormat menjelaskan, pada masa ini Sungai Temburong sudah kekurangan udang galah disebabkan oleh kumbahan daripada kegiatan-kegiatan di huluan sungai yang juga mesti dikawal.

Mengenai dengan pekerjaan-pekerjaan, Yang Berhormat menjelaskan, memang orang-orang tempatan digalakkan untuk menjadi tour guide dan sebagainya.

KPSSU melalui Jabatan Kemajuan jelas Yang Berhormat Pehin telah mengadakan perundingan dengan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, SEAMEO VOTTECH dan sebagainya untuk memberitahu keperluan-keperluan ini memang ada dan jika mereka berhasrat memberikan latihan untuk pekerjaan sedemikian.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, peluang-peluang itu bukan sahaja terdapat di Negara Brunei Darussalam, mungkin juga menjadi pemandu pelancong (*tour guide*) di negara lain.

Apa yang diperlukan, kata Yang Berhormat, memantau pemandu pelancong itu supaya maklumat yang diberikan itu tepat.

FTF untuk rakyat mengalami perjalanan kerap

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, FTF memang terbuka secara keseluruhan kepada rakyat yang terbukti mengalami perjalanan yang kerap.

"Ertinya bukan daripada siapa-siapa yang berkenaan tetapi memang kepada orang yang berulang-alik kerana pasport itu akan dicop sekali sahaja dan pastinya ia akan laku bagi jangka masa panjang bagi pihak Malaysia dan Brunei. Jadi ianya memang terbuka kepada rakyat pemegang-pemegang pasport yang sah, begitu juga di pihak Malaysia," tambah Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai kemudahan perjalanan kerap 'Frequent Travellers Facility' (FTF) dan

kebanyakan orang ramai belum maklum secara keseluruhan mengenai sistem ini dan persoalannya apakah sistem ini hanya untuk pegawai kerajaan sahaja atau kemudahan ini dibukakan kepada orang ramai pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis MMN, di sini.

Juga yang patut diketahui bahawa FTF pada masa ini statusnya ialah *final project* saja dalam *trial* selama enam bulan dari bulan Ogos tahun lepas dan akan berakhir pada bulan April.

Kemudian akan diadakan mesyuarat dua hala bagi kedua-dua belah pihak iaitu pihak Imigresen Malaysia dan Imigresen Brunei, ini akan diadakan sedikit masa lagi untuk meninjau sejauh mana kejayaannya.

Namun perkara ini belum *popular* lagi, tambah Yang Berhormat Menteri dan jumlah pemohonnya pun masih sedikit. Jadi barangkali ada betulnya pendapat Yang Berhormat mengenai orang ramai yang tidak banyak mengetahui perkara ini ataupun memang orang yang kerap melakukan perjalanan yang kerap itu bilangannya pun sedikit.

Penambahan pegawai jadi perhatian KHEDN

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dengan terlebih dahulu mengalu-alukan cadangan untuk menambah tenaga pegawai bagi melancarkan lagi tugas-tugas di Jabatan Imigresen terutama sekali tugas-tugas di pos-pos kawalan.

Itu memang menjadi perhatian kementerian, jelas Yang Berhormat Menteri dan dalam masa yang sama juga kementerian harus menerima hakikat bahawa dengan mengadakan tambahan-tambahan itu dengan sendirinya menambah jumlah peruntukan-peruntukan. Jadi peruntukan yang dapati pada masa ini, adalah disarankan agar dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai penambahan pegawai imigresen, penukaran alamat di kad pengenalan ditekankan dan Jabatan Imigresen dapat dipindahkan ke bawah bagi memudahkan pemohon-pemohon yang sudah tua dan kurang upaya



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. - Foto : Mohd. Zul-Izzi bin Haji Duraman.

daripada menggunakan tangga pada Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis MMN, di sini.

"Bagi mengatasi kekurangan-kekurangan itu adalah dengan menambahkan *working hours*nya dan alhamdulillah Kementerian Kewangan dapat membantu dengan mengadakan peruntukan tambahan daripada segi *overtime*. Jadi ini adalah antara cara untuk mengatasi perkara tersebut dan bukan sahaja di pos-pos kawalan malah juga untuk ibu pejabat untuk menambah *working hours* dan *working days* bagi permohonan-permohonan kad pengenalan dan umpamanya. Jadi peruntukan sedemikian itu memang sangat membantu," jelas Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan mengenai penukaran alamat di kad pengenalan memang sudah menjadi permasalahan di Jabatan Imigresen kerana itulah alamat yang seadanya yang diberikan oleh pemohon. Jadi cadangan untuk diminta pengesahan daripada ketua kampung atau penghulu perlu juga difikirkan, kerana jikalau saranan ini dipakai dengan sendirinya akan melambatkan dan memakan masa bagi proses untuk mendapatkan kad pengenalan. Sedangkan isu pada masa ini ialah supaya kad pengenalan itu dipohonkan dan dikeluarkan dengan segera.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin itu ialah dengan cara si pemohon tersebut sebelum datang ke Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan membawa borangnya itu terlebih dahulu kepada ketua untuk diperbetulkan dan dicop pengesahan ketua, jadi itulah yang dipakai oleh pihak imigresen.

Berhubung dengan Pejabat Imigresen di Daerah Belait pula, Yang Berhormat Pehin, sudah maklum mengenai perkara itu seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan pada masa itu telah dijawab akan dilihat kesesuaiannya. Namun apabila sudah dilihat sebenar-benarnya jabatan ini adalah jabatan yang menumpang di bangunan Pejabat Daerah, jadi tidaklah dapat di buat apa-apa melainkan apa yang perlu di buat oleh Jabatan Imigresen ialah untuk memohonkan satu bangunan berasingan yang baru dan perkara itu sedang dalam rancangan untuk dipohonkan.

'Isolated Cases' perlu penyelesaian teliti

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Mac. - Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dalam persoalan dan saranan pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengetengahkan mengenai isu *isolated cases* yang berlaku di negara ini.

Seperti hal seorang status kanak-kanak yang dilahirkan di luar negeri yang keluar tanpa dokumen yang sah dan juga masuk tanpa dokumen yang sah. Menurutnyanya lagi kanak-kanak ini sudah berusia sembilan tahun dan dengan ihsan dua buah kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan kanak-kanak tersebut telah diterima bersekolah tanpa sebarang dokumen yang sah ataupun yang diperlukan.

Terangnya lagi, kanak-kanak ini kini sudah berusia sembilan tahun dan telah banyak usaha-usaha yang dibuat oleh ibu kepada anak ini bagi menyelesaikan masalahnya. Kanak-kanak ini telah dilahirkan di negara jiran yang berdekatan dan ketika si ibu ke sana dia masuk tanpa kebenaran ataupun dokumen yang sah dan balik pun dalam keadaan yang sama tetapi dengan membawa anak ini balik ke Negara Brunei Darussalam.

Jadi persoalan di sini bagi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, *isolated cases* seperti ini mungkin sahaja banyak berlaku di kawasan-kawasan atau kampung-kampung lain sehingga perkara ini boleh menimbulkan permasalahan tertentu misalnya mengikut pengalaman rakan beliau, pernah seseorang meminta pengesahan untuk berkahwin ketika umurnya sudah 21 tahun namun tidak terdapat ada apa-apa pengesahan seperti tidak ada kad pengenalan, surat beranak dan sebagainya.

Jadi perkara ini, perlu diambil perhatian yang serius mengenai status kanak-kanak ini kerana ibu bapa anak berkenaan tidak dapat menyelesaikan masalahnya ini kerana terlalu rumit. Jika pada misalan, mereka akan menyelesaikan perkara ini di negeri yang berkenaan maka dikhuatiri akan menimbulkan lagi beberapa permasa-



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Foto : Hernie Suliana Haji Othman

lahan lain seperti mengambil kira akan kesalahan masuk tanpa kebenaran, melahirkan anak tanpa membuat *report* dan sebagainya.

Mengulas mengenai permasalahan ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, bahawa jikalau menyentuh daripada segi pendaftaran kebangsaan masalah seperti ini adalah masalah yang kitani sendiri perlu berhati-hati untuk mendaftarkan seseorang sama ada menjadi penduduk tetap atau menjadi rakyat atau menerima ia sebagai pelawat dan sebagainya bagi kepentingan kebangsaan sendiri.

Jadi perkara yang tidak cukup keterangan dan seperti yang dinyatakan tadi ini perlu berhati-hati dan secara realistiknya memang perkara ini sudah menarik perhatian kementerian sejak lama ini dan cara penyelesaiannya bukan dengan mengadakan polisi yang tertentu kepada umum tetapi satu penyelesaian.

Daripada itu, memandangkan jika ibu bapa anak berkenaan merupakan penduduk tetap mereka pasti tidak akan ke mana-mana dan jika kes itu dikemukakan kepada pihak imigresen, maka mereka akan melihat kes itu dan menimbangkannya daripada segi peri kemanusiaan dan sebagainya dan akan berusaha untuk menyelesaikan kes tersebut.

Perkara sebegini juga mendapat perhatian Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dalam persoalannya mengenai isu kanak-kanak yang tidak sah taraf, yang tidak mempunyai bapa yang sebenar atau bapa yang sah, sedangkan ibunya warganegara Brunei dan persoalannya bagaimanakah kerajaan melihat mengenai isu ini?

Menjawab mengenai isu ini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan dalam pelaksanaan mengenai perkara tersebut pada masa ini, anak yang sedemikian itu adalah mengikut taraf ibunya atau taraf kependudukan ibunya. Jikalau ia bertaraf rakyat, anak itu akan diberi taraf kerakyatan dan jikalau ia penduduk tetap anak itu akan diberikan status penduduk tetap.